

## Menangani Masalah Zina menurut Perspektif al-Quran dan Sunnah

### *Preventing Adultery/ Fornication Issues According To The Quranic And Sunnah Perspectives*

Wan Ramizah binti Hasan<sup>1</sup> & Dr. Mohd Farid Ravi bin Abdullah<sup>2</sup>

Terima	Wasit	Muat Naik e-Jurnal
09 MAC 2020	27 MAC 2020	30 APRIL 2020

#### ABSTRAK

*Maksiat zina telah menyumbang kepada kelahiran anak tak sahtaraf, pembuangan bayi dan maksiat-maksiat yang lain. Oleh kerana itu, usaha-usaha untuk menangani masalah ini perlu diberi perhatian serius dan cara yang paling baik untuk menangani isu zina ini adalah dengan menyoroti apakah yang disarankan oleh al-Quran al-Karim dan Sunnah Rasulullah s.a.w. Penulisan ini dilakukan bagi tujuan menyoroti cara menangani gejala zina dan mencari jalan penyelesaiannya menurut perspektif al-Quran dan Sunnah serta mengenalpasti faktor-faktor yang menjadi punca kepada perlakuan zina dalam masyarakat. Metode yang digunakan dalam penulisan ini adalah analisis kandungan terhadap kitab-kitab tafsir dan hadis serta kajian-kajian ilmiah seperti tesis, jurnal-jurnal dan kertas-kertas penyelidikan. Kajian mendapati antara jalan penyelesaian terhadap masalah zina menurut saranan al-Quran dan Sunnah adalah tidak mendekati pintu-pintu atau perkara-perkara yang membawa kepada zina. Kajian juga mendapati faktor utama berlakunya maksiat zina adalah kurangnya kesedaran masyarakat terhadap faktor-faktor yang menjadi punca kepada perlakuan zina.*

**Kata kunci:** zina, gejala sosial, penyelesaian, al-Quran, Sunnah.

#### ABSTRACT

*Adultery has contributed to many social problems such as illegitimate child, baby dumping, and other sinful acts. Therefore, there should be a serious precautions measurement to overcome this situation and the best solution is to take example from the Quran and Sunnah. This paper seeks to find solutions in preventing adultery based on the Quranic perspectives and Sunnah as well as identifying the contributing factors towards adultery in society. Method used in this study was content analysis on 'Kitab-kitab Tafsir' and hadith, theses, journals, and research papers. Findings revealed that amongst the solution is to avoid from acts leading to adultery. The main cause is the ignorance in the society towards the factors leading to adultery. This writing is important for it explores how the Quran and as-Sunnah deal with the problem by explaining the causes of adultery and the solutions. Thus, it is hoped that by understanding the issue and its causes, all of us could play our roles in preventing adultery in society.*

**Keywords:** adultery, social problems, solutions, al-Quran, Sunnah

<sup>1</sup> Wan Ramizah binti Hasan, MA in Usuluddin (Tafsir), Malaya University (UM) Malaysia, BA in Tafsir and Hadith, University Of Al-Azhar, Egypt. Lecture of Faculty of Islamic Studies and Civilisation, International Islamic University College Selangor (KUIS)

<sup>2</sup> Dr. Mohd Farid Ravi Abdullah, Ph.d in Tafsir and Ulum al-Quran, University of Jordan, Jordan, MA in al-Quran and Al-Sunnah, National University Malaysia, Malaysia. BA in Usuluddin, University Of Al al-Bayt, Jordan. Senior Lecture of Faculty of Islamic Studies and Civilisation, International Islamic University College Selangor (KUIS)

## 1.0. Pengenalan

Gejala sosial dalam masyarakat sekarang khususnya Malaysia berada pada satu tahap yang membimbangkan pemimpin politik mahupun rakyat biasa. Berbagai pihak merasa resah dan gelisah dengan gejala berkenaan kerana dalam tempoh jangka panjang ia akan memberi kesan negatif terhadap generasi mendatang (Zulkifli Haji Mohd Yusoff 2007). Antara gejala sosial yang amat menakutkan yang pernah dilakukan oleh umat terdahulu dan juga pada zaman jahiliyah dan berleluasa dewasa ini adalah zina. Istilah-istilah yang digunakan untuk zina ini telah ditukarkan kepada istilah yang lebih tidak menakutkan. (Paizah Hj Ismail, 2013)

Oleh kerana itu, usaha-usaha untuk menangani masalah ini perlu dikaji dan diberi perhatian yang serius kerana ianya mudah-mudahan akan dapat menyelesaikan masalah zina. Cara yang paling baik untuk menangani isu zina ini adalah dengan menyoroti apakah yang disarankan oleh al-Quran al-Karim dan Sunnah Rasulullah s.a.w.

Justeru, penulisan ini dilakukan bagi tujuan menyoroti cara menangani gejala zina dan mencari jalan penyelesaiannya menurut perspektif al-Quran dan al-sunnah dengan mengenalpasti faktor-faktor yang menjadi punca kepada perlakuan zina dalam masyarakat.

## 2.0. Permasalahan Kajian

Jenayah zina yang berlaku dalam masyarakat dewasa ini amat membimbangkan. Kesannya telah menimbulkan kes-kes jenayah yang lain seperti pembuangan bayi, sumbang mahram, pengguguran janin, kelahiran anak tak sah taraf dan sebagainya. Statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) merekodkan sejumlah 577 kes pembuangan bayi bagi tahun 2014 sehingga 2018. Antara punca pembuangan bayi adalah kehamilan luar nikah dan kehamilan remaja. (Berita Harian, 28 Jun 2019)

Kira-kira 100,000 kes remaja perempuan hamil bawah umur 19 tahun dilaporkan sejak 2013. Terdapat kira-kira 900 kes pembuangan bayi dilaporkan bagi tempoh sama. Daripada 900 kes pembuangan bayi yang dilaporkan, hanya 30 peratus daripada jumlah bayi itu masih bernyawa. (Sinar Harian, 10 Mei 2019)

Rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) mendedahkan sebanyak 159,725 kelahiran anak luar nikah atau tidak sah taraf, didaftarkan di seluruh negara bagi tempoh tiga tahun, bermula 2013. (Berita Harian 12 Sept 2016). Berdasarkan Perangkaan Polis Diraja Malaysia (PDRM) antara 2010 hingga Mei 2017, kes rogol (13,272) atau 59.7 peratus direkodkan bagi tempoh berkenaan, manakala cabul (6,014 kes atau 27.04 peratus), sumbang mahram (1,766 kes atau 8.07 peratus) luar tabii (1,152 kes atau 5.18 peratus). (Berita Harian Online (27 Julai 2017).

Fenomena inilah menyebabkan berbagai pihak telah cuba dari semasa ke semasa mencari jalan penyelesaian terhadap masalah ini. Maka, usaha mencegah perbuatan yang membawa kepada perzinaan ini perlu dilakukan secara serius. Apatah lagi Allah s.w.t telah memerintahkan supaya menjauhi perkara-perkara yang mendekatkan kepada zina dengan firmanNya dalam surah al-Isra' ayat 32.

Oleh kerana itu, pelbagai usaha telah, sedang dan akan dilakukan untuk menangani gejala ini daripada pelbagai pihak. Banyak laman-laman web yang telah membincangkan isu-

isu kemasyarakatan ini. Begitu juga dengan saranan-saranan atau cadangan dalam masalah zina. Terdapat begitu banyak artikel yang mencari jalan penyelesaiannya.

Berdasarkan review di perpustakaan melalui kajian terdahulu dan juga laman sesawang (internet), masih belum ditemui kajian khusus menepati tajuk kajian ini. Disertasi yang ditulis oleh Arifah Ayub dari Universiti Malaya (2005) hanya mengkhususkan kajian terhadap gejala sumbang mahram yang merupakan perkara yang lebih khusus daripada zina kerana ianya berlaku dalam kalangan keluarga atau sesama mereka yang diharamkan untuk berkahwin. Begitu juga kajian ini mengkhususkan surah al-Nur sahaja. Begitu juga kajian Noriza bt Mohd Shaimi (2009) yang bertajuk “Kaedah Pencegahan Perzinaan: Satu Kajian dalam Surah al-Nur” juga hanya menumpukan kajian terhadap kaedah pencegahan dan dalam surah al-Nur sahaja.

Tesis peringkat sarjana yang ditulis oleh Rosdi Yusof (2002) yang bertajuk “Kajian Perbandingan Jenayah Rogol dan Sumbang Mahram di Malaysia, Penyelesaiannya Menurut Perspektif Islam” hanya menyentuh secara umum cara penyelesaiannya menurut perspektif Islam. Antaranya adalah hendaklah kembali kepada al-Quran dan al-Sunnah, hukuman hendaklah disaksikan oleh orang ramai, proses pembuktian hendaklah mengikuti garis panduan yang telah ditetapkan oleh syarak dan lain-lain lagi. Begitu juga peranan daripada pelbagai pihak, pemantapan institusi kekeluargaan dan melalui remedy undang-undang dan sebagainya.

Syed Abdurrahman bin Syed Hussin, (2007) *Faktor Keruntuhan Masyarakat Dari Perspektif al-Quran dan al-Hadith*, adalah satu jurnal yang menyingkap tentang antara faktor-faktor yang membawa kepada keruntuhan sesuatu masyarakat adalah berpunca daripada hilangnya sifat menyuruh yang makruf dan mencegah yang mungkar, merebaknya kezaliman dan hilangnya keadilan, rosaknya umara dan ulama dan apabila manusia tenggelam dalam kemewahan. Manakala Rosdi bin Yusof dan Hasanah bt Abd Khafidz (2006) dalam kajian mereka “Sumbang Mahram: Bagaimana Islam Menanganinya” hanya menghuraikannya dalam 3 mukasurat sahaja. Kebanyakannya kajian dibuat terhadap hukum dan perundangan di Malaysia.

Walau bagaimanapun, Azlina Abdullah (2010) dalam kajiannya tentang tema dan isu penyelidikan mengenai gejala sosial pada dekad pertama abad 21 di Malaysia mendapati dalam tempoh 2001-2005 terdapat 123 sahaja kajian mengenai pelbagai aspek gejala sosial yang berlaku di Malaysia telah dijalankan oleh pengkaji daripada pelbagai universiti tempatan dan ianya boleh dikategori sebagai asas dan gunaan. Isu tentang zina hanya berada di dalam kategori jenis gejala sosial sahaja dan bukan satu topik khusus yang dibincangkan. Berdasarkan kenyataan di atas, maka kajian tentang bagaimana Islam menangani masalah zina perlu dilakukan dengan mengkajinya menurut perspektif al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w.

### **3.0. Persoalan Kajian**

Berdasarkan latar belakang dan permasalahan kajian di atas terdapat beberapa persoalan.

- 1) Apakah faktor-faktor yang menjadi punca kepada perlakuan zina dalam masyarakat?
- 2) Apakah jalan penyelesaian dan pendekatan yang digunakan oleh al-Quran dan al-Sunnah dalam menangani gejala zina dalam masyarakat?

#### 4.0. Objektif Kajian

Secara umumnya, matlamat kajian ini dilakukan adalah untuk membuktikan dan menjelaskan kepada masyarakat tentang kesyumulan Islam dan kemukjizatan al-Quran dan al-Sunnah dalam menangani sesuatu permasalahan serta kemukjizatan yang sukar ditandingi oleh sistem yang lain dan secara khusus kajian ini dilakukan untuk mencapai objektif-objektif berikut:

- 1) Mengenalpasti faktor-faktor yang menjadi punca kepada perlakuan zina dalam masyarakat.
- 2) Mengkaji dan menyoroti jalan penyelesaian dan pendekatan yang digunakan oleh al-Quran dan al-Sunnah dalam menangani gejala zina dalam masyarakat.

#### 5.0. Metodologi Kajian

Kajian atau penyelidikan ini adalah berbentuk perpustakaan atau *arm chair research*. Ia berasaskan kepada kaedah *maktabi* (perpustakaan) dimana pencarian maklumat dan data lebih tertumpu kepada bahan-bahan bercetak terutamanya kitab-kitab dan teks klasik.

Dalam pengkategorian yang lebih spesifik, kajian ini juga dapat dikelaskan sebagai *content analysis*. Analisis kandungan adalah salah satu kajian analisis terhadap istilah-istilah, teks-teks, frasa-frasa, konsep-konsep dan seumpamanya yang terkandung dalam bahan-bahan bercetak seperti buku, kitab, jurnal, akhbar, laporan bertulis dan seumpamanya dan ataupun bahan elektronik seperti rancangan televisyen, radio, cakera padat dan seumpamanya. (Ole R. Holsti (1969), Robert Philip Weber (1990))

Kajian ini hanya memfokuskan kepada bagaimana Islam menangani permasalahan zina dengan menyoroti apa yang terkandung dalam al-Quran dan al-Sunnah setelah mengenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan berleluasanya perlakuan zina dalam masyarakat.

#### 6.0. Dapatan dan Perbincangan Kajian

Allah s.w.t. telah meletakkan zina adalah sebagai dosa besar dan yang menjejaskan kemuliaan keturunan, kesucian serta kehormatan diri manusia. Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Isra' ayat 32:

وَلَا تَقْرَبُوا الزَّانِيَةَ إِنَّهَا رِجْسٌ لِّكُلِّ طَائِفَةٍ مِّنْهُمْ وَأُولُو رِجْسٍ هُمْ وَآلُهُمْ فِي يَوْمٍ ذُلٍّ أَسْوَأَ مِن يَوْمٍ عَصَىٰ إِبْرَاهِيمَ

Maksudnya: *Dan janganlah kamu menghampiri zina, Sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan).*

Allah s.w.t. telah menjelaskan tentang kejinya zina kerana kalimah *fahisyah* bermaksud perbuatan keji atau kotor yang sudah mencapai tingkat yang tinggi dan diakui kekejiannya oleh setiap yang berakal. Kemudian zina juga adalah seburuk-buruk jalan kerana merupakan jalan kebinasaan, kehancuran dan kehinaan dunia dan azab di akhirat. (Ibnu Qayyim 2007)

Ilmu perubatan telah membuktikan bahawa zina boleh merosakkan kesihatan yang serius dan mengancam manusia dengan penyakit kelamin. Antaranya ialah sifilis yang mana ianya dimulai dengan muncul luka kecil seperti luka bakar rokok kemudian tersebar ke seluruh badan dan menjadi kudis dan pesakit akan mula merasa kesan virus pada tulang, mata, hati dan rasa mual, muntah-muntah, sakit sendi, mengalami bengkak seluruh badan dan

sebagainya.(Yusof al-Hajj 2014). Selain daripada itu penyakit AIDS yang menyebabkan kegagalan sistem imun tubuh untuk melawan penyakit.

Walau bagaimanapun, Islam telah menggariskan panduan kepada kita bagaimana cara untuk menangani permasalahan zina ini sama ada melalui usaha pencegahan (*wiqayah*) atau menutup semua jalan (*sadd dzari'ah*) agar terhindar dari berbagai perbuatan kriminal atau berbentuk hukuman. Antara cara-caranya adalah:

### 6.1. Memahami Agama Dalam Ertikata Yang Sebenarnya dan Meyakini Al-Quran Penyelesai Semua Masalah

Kefahaman yang cetek terhadap agama turut membantu pertumbuhan gejala sosial. Terdapat mereka yang faham agama itu dalam hal-hal yang berkaitan dengan ibadah sembahyang, puasa, tahlil, dan lain-lain. Mereka tidak fahami hukum-hukum agama yang akan mempengaruhi sikap mereka dalam pergaulan antara lelaki dan perempuan. (Zulkifli Haji Mohd Yusoff 2007)

Rasulullah s.a.w. juga telah membayangkan bahawa banyaknya kejahilan dan banyaknya zina adalah antara tanda-tanda kiamat.

إِنَّ مِنْ أَشْرَاطِ السَّاعَةِ أَنْ يُرْفَعَ الْعِلْمُ وَيَكْثُرَ الْجُهْلُ وَيَكْثُرَ الزَّانَا وَيَكْثُرَ شُرْبُ الْخَمْرِ وَيَقْلُ الرِّجَالُ وَيَكْثُرُ النِّسَاءُ حَتَّى  
يَكُونَ لِحَمْسِينَ امْرَأَةً الْقَيْمُ الْوَاحِدُ

Maksudnya: "Antara tanda hari kiamat adalah ilmu diangkat, banyaknya kebodohan, bermaharajalelanya perzinaan, banyaknya orang yang meminum arak dan sedikitnya kaum laki-laki serta banyaknya kaum wanita hingga jika ada lima puluh orang wanita namun hanya ada satu orang laki-laki dari mereka."

(Riwayat Bukhari 4830, Kitab al-Nikah, Bab Yaqill al-Rajul wa Yakthur al-Nisa')

Oleh kerana itu, untuk memperbaiki umat Islam yang sedang berada dalam berbagai-bagai masalah hidup, Imam Malik r.a telah menegaskan bahawa:

"Tidak akan menjadi baik umat ini melainkan dengan mencontohi apa yang boleh menjadi baik umat yang terdahulu."

Oleh kerana masyarakat sebelum ini boleh menjadi bersih hasil daripada didikan Rasulullah s.a.w., maka masyarakat sekarang juga perlu merujuk kepada apa yang dilakukan oleh baginda s.a.w iaitu dengan merujuk al-Quran dan Sunnah.

حَدَّثَنِي عَنْ مَالِكٍ أَنَّهُ بَلَغَهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكْتُمْ بِهِمَا  
كِتَابَ اللَّهِ وَسُنَّةَ نَبِيِّهِ

Maksudnya: *Telah menceritakan kepadaku dari Malik telah sampai kepadanya bahawa Rasulullah s.a.w bersabda: "Telah aku tinggalkan untuk kalian, dua perkara yang kalian tidak akan sesat selama kalian berpegang teguh dengan keduanya; Kitabullah dan Sunnah Nabi-Nya."*

(Hadis riwayat Malik 1594, Kitab al-Qarar, Bab al-Nahy 'an al-Qawl bi al-Qarar)

### 6.2. Mengetahui Tentang Kesan Buruk Zina

Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Isra' ayat 32:

Ωξ□ε6ψ□ υ™!Ξψ□υρ Ζπτ±⊕σ≈σ | τβ%ξ. ... | μ↓Pε) ( #□oTcη□9Ξ# (#θ|/τ□)σ? □ωυρ  
∩cϕυ

Maksudnya: *Dan janganlah kamu menghampiri zina, Sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan).*

Al-Maraghi (2001) dalam kitabnya menyatakan bahawa zina adalah perbuatan yang membinasakan kerana kesannya begitu buruk dan banyak. Antaranya, zina akan menyebabkan percampuran nasab, kehidupan yang huru hara dan menyerupai kehidupan binatang.

Memahami bahawa kesan zina atau aktiviti seks yang amat buruk itu sangat penting agar individu yang terlibat tidak berisiko terjebak dengan perbuatan maksiat yang lebih besar. Ini kerana dalam kajian Sarnon et.al (2012) mendapati bahawa penglibatan remaja perempuan dengan aktiviti seks sangat berisiko mengundang kepada kehamilan luar nikah di samping jangkitan HIV/AIDS dan jangkitan seksual yang lain. Perkara ini tidak disedari oleh remaja-remaja yang terlibat sebagaimana kajian Siti Fairuz Binti Md Saion, (2010) telah mendedahkan bahawa tahap pengetahuan mahasiswi terhadap kesalahan zina dalam undang-undang jenayah Islam khususnya dari perspektif kategori kesalahan zina berada di tahap sederhana.

### 6.3. Mendirikan Solat, Mengawal Hawa Nafsu dan Mengamalkan Berpuasa

Di dalam al-Quran, Allah s.w.t secara jelas menyebutkan bahawa amalan mengerjakan solat dapat mencegah seseorang itu daripada melakukan perkara keji dan mungkar. Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Ankabut ayat 45:

3 c□σ3Z↓9)9Ξ#υρ €™!Ξτ± (σξ□)9Ξ# ∩∅τ⊙ 4□σΣ |Zσ? vo4θv='Ξ9Ξ# □χε)

Maksudnya: *Sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar;*

Selain daripada itu, antara faktor yang banyak menyumbang ke arah berlakunya perzinaan adalah mengikut hawa nafsu. Hawa nafsu yang menggalak seseorang supaya tidak menjaga batasan aurat serta tutur kata boleh menyumbang ke arah berlakunya perzinaan. Firman Allah s.w.t. dalam surah Mariam 19: (59 – 60)

(#θ⊙\τ7♦?Ξ#υρ vo4θv='Ξ9Ξ# (#θ⊙⊙Ξ|ρρ& (#|=ψζ )N≠δ≠□\τ/ . ¯B ψ#v=σ□μ |  
ζ τB#υ™υρ ζ>Ξσ? τB □ωε) ∩ε⊕υ Ξ□□ξ( τβ)θσ)=τ□ τΞ)θ|Υσ | ( ≠N≡υθπκ/ϙ9Ξ#  
□ωυρ σπ♦Ψπγ):Ξ# τβθ\=™ζ |□τ□ ψ7c×↓≈σ9ερ[εσ] Ξ[σε≈≠|≠ □≠≠HξΣυρ  
∩≠∩υ Ξ.:↔)□ξ♥ τβθ↓9v= |◇⊙□

Maksudnya: *Maka datanglah sesudah mereka, pengganti (yang jelek) yang menyia-nyiakan solat dan memperturukan hawa nafsunya, maka mereka kelak akan menemui kesesatan. kecuali orang yang bertaubat, beriman dan beramal soleh, maka mereka itu akan masuk syurga dan tidak dianiaya (dirugikan) sedikit pun.*

Ada berbagai cara untuk mengatasi masalah ini dan antaranya adalah dengan berpuasa. Berpuasa mampu mengekang hawa nafsu dari terjebak ke lembah perzinaan dan disebut secara khusus oleh Rasulullah s.a.w. :

يَا مَعْشَرَ الشَّبَابِ مَنْ اسْتَطَاعَ الْبَاءَةَ فَلْيَتَزَوَّجْ فَإِنَّهُ أَغْضُ لِلْبَصْرِ وَأَحْصَنُ لِلْفَرْجِ وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ بِالصَّوْمِ فَإِنَّهُ لَهُ  
وَجَاءُ

Maksudnya: "Wahai sekalian pemuda, siapa diantara kalian telah mempunyai kemampuan, maka hendaklah ia menikah, karena menikah itu dapat menundukkan pandangan, dan juga lebih bisa menjaga kemaluan. Namun, siapa yang belum mampu, hendaklah ia berpuasa, sebab hal itu dapat meredakan nafsunya."

(Riwayat al-Bukhari 4678, Kitab al-Nikah, Bab man lam Yastati' al-Ba'ah Falyasumh)

#### 6.4. Suami Isteri Wajib Mengetahui Tentang Hak Dan Tanggungjawab Masing-masing dan Ibubapa Wajib Berperanan Memberi Didikan

Dalam kajian Fizwani binti M Sarkawi et.al (2008) menjelaskan antara punca atau sebab berlakunya perzinaan antaranya adalah kegagalan isteri memenuhi keperluan suami, tahap iman yang lemah dan bahan lucah serta batas pergaulan yang melampaui had dan nafsu yang sukar dikawal. Antara hak suami atau tanggungjawab seorang isteri yang diabaikan ialah memasukkan seseorang yang asing ke dalam rumah tanpa izin suami kerana ianya boleh mengundang kepada berlakunya perkara-perkara yang tidak diingini.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَا يَحِلُّ لِلْمَرْأَةِ أَنْ تَصُومَ وَزَوْجُهَا شَاهِدٌ إِلَّا بِإِذْنِهِ وَ لَا تَأْتِي فِي بَيْتِهِ إِلَّا بِإِذْنِهِ وَمَا أَنْفَقَتْ مِنْ نَفَقَةٍ عَنْ غَيْرِ أَمْرِهِ فَإِنَّهُ يُؤَدَّى إِلَيْهِ شَطْرَهُ

Maksudnya: Dari Abu Hurairah r.a, bahwa Rasulullah s.a.w. bersabda: "Tidak halal bagi seorang wanita untuk berpuasa sementara suaminya ada di rumah, kecuali dengan seizinnya. Dan tidak boleh mengizinkan seseorang masuk ke dalam rumahnya kecuali dengan seizinnya. Dan sesuatu yang ia infakkan tanpa seizinnya, maka setengahnya harus dikembalikan pada suaminya."

(Hadis Riwayat al-Bukhari 4796, Kitab al-Nikah, Bab La Ta'dhan al-Mar'ah fi Bayt Zawjiha li Ahad 'Illa bi Iznih)

Selain daripada itu, ibubapa memainkan peranan yang amat penting agar anak-anak yang akan baligh dan memasuki alam perkahwinan mengetahui tanggungjawab mereka.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَا مِنْ مَوْلُودٍ إِلَّا يُوَلَّدُ عَلَى الْفِطْرَةِ فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ وَيُنَصِّرَانِهِ وَيُيَسْرِيَانِهِ فَمَا كَانَ مِنْ عَمَلَيْنِ

Maksudnya: Dari Abu Hurairah dia berkata; Rasulullah s.a.w bersabda: "Tidaklah seorang bayi yang dilahirkan melainkan dalam keadaan fitrah, maka bapaknya yang menjadikannya Yahudi, atau Nasrani atau Musyrik." Lalu seseorang bertanya kepada beliau: "Wahai Rasulullah, bagaimana pendapatmu jika bayi itu meninggal sebelum itu?" Maka beliau bersabda: "Allah lebih tahu dengan apa yang mereka kerjakan."

(Hadis Riwayat Muslim 4805, Kitab al-Qarar, Bab Ma'na Kul Mawlud Yulad 'la al-Fitrah wa Hukm Mawt Atfal al-Kuffar )

#### 6.5. Menjaga Aurat, Tidak Bertabarruj dan Mempunyai Pengetahuan Tentang Siapakah Muhram

Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Ahzab ayat 33:

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَمَّا تَوَلَّوْا إِلَى الْكُفْرَانِ فَأُولَٰئِكَ يَبِغُضُ اللَّهُ مَا فَعَلْتُمْ وَالَّذِينَ آمَنُوا لَا يَبِغُضُ اللَّهُ مَا فَعَلُوا إِذْ عَمُوا إِذْ كَانُوا يَكْفُرُونَ وَالَّذِينَ آمَنُوا لَا يَبِغُضُ اللَّهُ مَا فَعَلُوا إِذْ كَانُوا يَكْفُرُونَ وَالَّذِينَ آمَنُوا لَا يَبِغُضُ اللَّهُ مَا فَعَلُوا إِذْ كَانُوا يَكْفُرُونَ ... ﴾ (40: 33)

Maksudnya: Dan hendaklah kamu tetap diam di rumah kamu serta janganlah kamu mendedahkan diri seperti yang dilakukan oleh orang-orang jahiliyah zaman dahulu;



Yang dimaksud dengan orang yang ada penyakit dalam hatinya adalah orang yang mempunyai niat berbuat serong dengan wanita, seperti melakukan zina. Orang yang hatinya tidak sihat sangat mudah sekali tergerak hatinya kerana melihat atau mendengar sesuatu yang membangkitkan syahwat. Adapun orang yang sihat hatinya dari penyakit hati, maka tidak ada syahwat terhadap yang diharamkan Allah, tidak membuatnya cenderung dan tidak tergerak olehnya. (Ibnu Kathir 2000)

### 6.7. Menjaga Pandangan dan Tidak Berkhalwat

Tidak menjaga pandangan antara punca atau faktor utama terjadinya zina kerana mustahil ianya berlaku sekiranya lelaki atau perempuan menjaga pandangannya daripada melihat perkara-perkara yang dimurkai Allah s.w.t. dan Dialah yang selalu menyaksikan dan memperhatikan amal perbuatan mereka. Firman Allah s.w.t. dalam surah

﴿لَا يَجْرِي فِيهَا سُرٌّ وَلَا غَوْلٌ يُبْحَثُونَ فِيهَا يُؤَفِّقُ اللَّهُ لِمَن يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ﴾

Maksudnya: Allah mengetahui pengkhianatan (penyelewengan dan ketiadaan jujur) pandangan mata seseorang, serta mengetahui akan apa yang tersembunyi di dalam hati.

Menurut Nor Azah Abd Aziz dan Che Zarrina Saari (2011), pornografi boleh membawa kepada ketagihan seksual yang buruk dan tidak normal. Hal ini adalah disebabkan penonton pornografi akan beraksi berdasarkan apa yang dilihat, berfantasi dan berakhir dengan keputusan atau hasil yang merosakkan seseorang. Jelasnya, pengaruh pornografi boleh mendorong penontonnya melakukan hubungan seks. Kajian di Malaysia mendapati kebanyakan pelajar universiti, remaja dan kanak-kanak telahpun terdedah kepada aktiviti pornografi. Maka adalah tidak mustahil aktiviti seterusnya selepas menyaksikan pornografi adalah melakukan hubungan seks secara haram atau zina.

Ibnu Qayyim (2007) dalam kitabnya “Bahaya Zina” menyatakan bahawa Allah s.w.t. mendahulukan perintah menundukkan pandangan mata sebelum perintah menjaga kemaluan. Ini adalah kerana banyak musibah besar yang berasal daripada pandangan, seperti kobaran api yang besar berasal dari bunga api. Mulanya hanya khayalan, kemudian langkah nyata, kemudian tindak kejahatan besar (zina). Dalam hadis dari sahabat Abu Hurairah r.a., bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

كُتِبَ عَلَى ابْنِ آدَمَ نَصِيْبُهُ مِنَ الزَّيْنَةِ مُدْرِكٌ ذَلِكَ لَا مَحَالَةَ فَالْعَيْنَانِ زَيْنَاهُمَا النَّظَرُ وَالْأُذُنَانِ زَيْنَاهُمَا الْإِسْتِمَاعُ وَاللِّسَانُ زَيْنَاهُ الْكَلَامُ وَالْيَدُ زَيْنَاهَا الْبَطْشُ وَالرِّجْلُ زَيْنَاهَا الْحُطُّ وَالْقَلْبُ يَهْوَى وَيَتَمَنَّى وَيُصَدِّقُ ذَلِكَ الْفَرْجُ وَيُكَذِّبُهُ

Maksudnya: Ditetapkan atas anak cucu Adam bahagiannya dari zina akan diperoleh hal itu tidak mustahil. Kedua mata zinanya adalah memandang (yang haram). Kedua telinga zinanya adalah mendengarkan (yang haram). Lisan zinanya adalah berbicara (yang haram). Tangan zinanya adalah memegang (yang haram). Kaki zinanya adalah melangkah (kepada yang diharamkan). Sementara hati berkeinginan dan berangan-angan, sedang kemaluan yang membenarkan semua itu atau mendustakannya,”

(Riwayat Muslim 4802, Kitab al-Qarar, Bab Qadar ‘ala Ibn ‘Adam Hazzah min al-Zina wa Ghayrih).

Oleh kerana itu, Islam memerintahkan agar lelaki dan perempuan menjaga pandangan mereka. Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Nur ayat 30-31.

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَتَّبِعُوا فِي مَتَاعِكُمْ سُرُورًا وَلَا حُرُورًا يَأْتِيكُم بِهِ خَيْرٌ كَذَلِكَ نُفَصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ﴾



*tempat kamu), dalam tiga masa; (iaitu) sebelum sembahyang subuh, dan ketika kamu membuka pakaian kerana kepanasan tengah hari, dan sesudah sembahyang Isyak; itulah tiga masa bagi kamu (yang biasanya terdedah aurat kamu padanya). kamu dan mereka tidaklah bersalah kemudian daripada tiga masa yang tersebut, (kerana mereka) orang-orang yang selalu keluar masuk kepada kamu, dan kamu masing-masing sentiasa berhubung rapat antara satu dengan yang lain. Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayatNya (yang menjelaskan hukum-hukumNya); dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana. Dan apabila kanak-kanak dari kalangan kamu telah baligh, maka hendaklah mereka meminta izin sama seperti cara orang-orang (yang telah cukup umur) yang tersebut dahulu, meminta izin. Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayatNya (yang menjelaskan hukum-hukumNya) dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.*

Ayat-ayat ini adalah langkah pertama untuk menghindarkan kaum muslimin daripada terjebak dalam bahaya zina. Masuk begitu saja ke dalam rumah seseorang tanpa izin daripada tuan rumah kemungkinan besar terdedah kepada aurat orang yang berada dalam rumah, yang merupakan benih awal dari zina. Begitulah prilaku orang jahiliyah dulu, mereka masuk ke rumah seseorang, setelah berada dalam rumah, ia berkata, "saya sudah masuk". Dan boleh jadi pada saat itu ia melihat orang rumah dalam keadaan yang tidak patut untuk dilihat, baik perempuannya atau lelakinya, di mana mereka dalam keadaan sedang tidak menutup aurat misalnya (Sayyid Qutb, 2010)

Seorang lelaki mesti meminta izin ketika hendak menemui saudara perempuannya. Demikian juga seorang laki-laki baligh, harus meminta izin ketika hendak masuk menemui saudara perempuannya. Di dalam kitab al-Adab al-Mufrad, Imam Al Bukhari menyebutkan sebuah riwayat dari Atha'. *Dia berkata, aku bertanya kepada Ibnu 'Abbas: "Apakah aku harus meminta izin jika hendak masuk menemui saudara perempuanku?" Dia menjawab, "Ya." Aku mengulangi pertanyaanku: "Dua orang saudara perempuanku berada di bawah tanggungganku. Aku yang mengurus dan membiayai mereka. Haruskah aku meminta izin jika hendak masuk menemui mereka?" Maka dia menjawab, "Ya. Apakah engkau suka melihat mereka berdua dalam keadaan telanjang?"*

Maheran Zakaria (2004) telah meneliti trend jenayah sumbang mahram di Malaysia dan kekerapan berlakunya jenayah tersebut berdasarkan lokasi atau negeri. Hasil kajian beliau menunjukkan kebanyakan pelaku dan mangsa berada dalam golongan kelas bawahan dan orang Melayu. Si pelaku pula ialah bapa kandung, bapa saudara atau bapa tiri dan remaja yang berumur 18 tahun ke atas. Manakala mangsa adalah mereka yang berusia 16 tahun ke bawah. Besar kemungkinan ianya berpunca daripada kejahilan ahli keluarga terhadap adab-adab dalam rumah dan keluar masuk bilik.

## **6.9. Memudahkan Urusan Perkahwinan**

Antara peruntuh nilai-nilai baik dalam kehidupan manusia hari ini adalah apabila dimudahkan yang haram dan disukarkan yang halal. Dalam urusan kenduri kahwin, kadang-kadang ianya telah dijadikan jambatan kesombongan ibubapa atau keluarga sehingga ditangguh perkahwinan bagi membolehkan kenduri besar-besaran dibuat demi menjaga taraf 'jenama keluarga'. (<http://drmaza.com> | 07 November 2013)

Oleh kerana itu Islam menyuruh kita memudahkan urusan perkahwinan atau membantu mereka terutama masalah kewangan. Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Nur ayat 32:



yang menegur sikap ahli masyarakatnya daripada melakukan perkara-perkara yang boleh membawa kepada perzinaan.

### 6.12. Melaksanakan Hukum Hudud Secara Keseluruhan

Penerangan tentang hudud dan hikmah ianya disyariatkan perlulah diwar-warkan oleh pihak kerajaan kerana hukum melaksanakan hudud dan *qisas* atau syariat adalah wajib. (Muhammad Syahrial, 2012) Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Nur ayat 2-3 menyarankan kepada pemimpin untuk melaksanakan hukum hudud ke atas mereka yang melakukan zina. Hukum dalam ayat ini terlaksana kepada yang belum berkahwin. Manakala hukuman kepada yang telah berkahwin Rasulullah s.a.w. telah melaksanakannya dengan cara merejam sehingga mati.

⊃ψθΣκ ]≠ιB 7□≠v≡υρ ◆≧™. (#ρ∅∃ε# |\_∃∃σ] □εT#◆□9∃#υρ (πυ□≠P#◆□9∃# βε) ↔!∃# ∪|| ≠□ □ε] ·πσ ]&∪ □ ∃ψθ⊆κ⊆5 /™.J □\{ ]∃σ? □ωυρ ( ;οτ∃ ]#ψ\_ σπσ□(∃≠B |□πκ |∂υ□/9υρ ( ⊆⊕ζΦψ∃# ≠θ)θυ□/9∃#υρ ↔!∃∃ε/ τβθ∅Z≠B |σ\? |Λ™| Z™. □ω □εT#◆□9∃# ∩ϕυ τ] ]≠Z≠B |σ∂9/9∃# ζ ≠ιB ·πξ□⊆←!∃σ↔ ∃ψθΣκυ5#ξ□τ∅ !∃ψγ∂σ⊕3Zτ□ □ω (πυ□≠P#◆□9∃#υρ Zπξ.ε□ |≥∅B |ρρ& ≡πυ□≠P#ψ□ □ωε) ∂ξ⊕3Zτ□ τ] ]≠Z≠B |σ∂9/9∃# □v?τ∅ ψ7≠9≡σ□ τΠϕη□∅μυρ 4 ™8ε□ |≥∅B |ρρ& Aβ#ψ□ □ωε) ∩ϕυ

Maksudnya: *Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali sebat; dan janganlah kamu dipengaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap keduanya dalam menjalankan hukum agama Allah, jika benar kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat; dan hendaklah disaksikan hukuman seksa yang dikenakan kepada mereka itu oleh sekumpulan dari orang-orang yang beriman. Lelaki yang berzina (lazimnya) tidak ingin berkahwin melainkan dengan perempuan yang berzina atau perempuan musyrik; dan perempuan yang berzina itu pula (lazimnya) tidak ingin berkahwin dengannya melainkan oleh lelaki yang berzina atau lelaki musyrik. dan perkahwinan yang demikian itu terlarang kepada orang-orang yang beriman.*

### Kesimpulan

Antara jalan penyelesaian terhadap masalah zina ialah dengan tidak mendekati pintu-pintu atau perkara-perkara yang boleh membawa kepada zina sebagaimana al-Quran secara jelas telah melarang umatnya mendekati zina bagi mengelakkan bahaya zina. Ini adalah kerana kajian mendapati faktor utama berlakunya maksiat zina adalah kejahilan masyarakat dan kurangnya kesedaran terhadap faktor-faktor yang menjadi punca kepada perlakuan zina. Ilmu-ilmu dan kefahaman ini boleh didapati melalui pembacaan terhadap ayat-ayat al-Quran serta menyebarkannya dalam masyarakat. Penulisan ini penting kerana ia mengupas tentang bagaimana al-Quran dan al-Sunnah menangani masalah ini dengan menjelaskan punca-punca kepada perlakuan zina dan bagaimanakah jalan penyelesaiannya. Maka, dengan memahami kesemua perkara ini, diharap semua pihak dapat memainkan peranan masing-masing sebagai usaha mengengkang masalah zina dalam masyarakat

### Rujukan

Al-Qur'an Al-Karim Pimpinan al-Rahman  
Abdullah Sulong & Mawaddah Abdullah. 2010. *Pengaruh Media Elektronik Terhadap Keruntuhan Akhlak Pelajar*, Jurnal UTM Skudai  
Ahmad Mustafa al-Maraghiy, *Tafsir al-Maraghiy*. 2001. Terj. Muhammad Thalib, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Cet 1.

- Al-Bukhari, Muhammad ibn Ismail. 1375H. *al-Bab al-Mufrad*. Tahqiq: Abd al-Baqiy. Mesir: al-Matbaah al-Salafiyyah wa Maktabatuha
- Al-Bukhari, Muhammad ibn Ismail. 2002. *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Ibn Kathir. Cet 1
- Al-Tirmidhi, Muhammad ibn Isa. 1417H. *Sunan al-Tirmidhi*. Tahqiq: al-Albani. Riyad: Maktabah al-Maarif
- Arifah Ayub dari Universiti Malaya. 2005. “*Surah Al-Nur : Kajian Pendekatan Al-Quran dalam Mengatasi Gejala Sumbang Mahram*”
- Azlina Abdullah. 2010. dalam jurnalnya yang bertajuk “*Tema dan Isu Penyelidikan Mengenai Gejala Sosial pada Dekad Pertama Abad 21 di Malaysia*”
- Azreena, J. 2012. *Hamil Luar Nikah: Memahami Remaja Sebagai Asas Intervensi*
- Dr Abdullah Nasih Ulwan. 2015. *Tarbiyatul Aulad Fil Islam*, Terj. Publishing House, Selangor.
- Fizwani Binti M Sarkawi, Suhana Binti Sarmadan, Mohammed Sharif Bin Mustaffa, Sulaiman Shaki b Bin Mohd Noor, *Mengenal Pasti Punca-punca dan Kaedah Menangani Tingkah Laku Sumbang Mahram*
- Ibn Kathir, Imad al-Din. 2000. *Tafsir al-Qur’an al-Azim*, Tahqiq: Mustafa al-Sayyid Muhammad et.al. Kaherah, Muassasah Qurtubah
- Ibnu Qayyim al-Jauziyah. 2007. *Bahaya Zina*, Terj. Tim Darul Haq, Maktab Dakwah dan Bimbingan Jaliyat Rabwah, Jakarta.
- Maheran Zakaria et.al. 2004. *Kajian Mengenai Ciri-ciri Pelaku dan Mangsa Jenayah Sumbang Mahram di Malaysia*. Laporan Teknikal. Shah Alam: UiTM, Malaysia.
- Malik ibn Anas, 2004. *Muwatta’ al-Imam Malik*. Tahqiq: Muhammad Mustafa al-A’zami. Emiret: Muassasah Zayd ibn Sultan
- Muhammad Syahrial Razali Ibrahim. 2012. *Al-Qur’an Dan Keadilan Islam Dalam Penseyariatan Hudud* International Islamic University Malaysia (Iium)
- Muslim ibn al-Hajjaj. 2006. *Sahih Muslim*. Tahqiq: al-Fariyabi. Dar Tayyibah
- Nor Azah Abd Aziz, Che Zarrina Saari. 2011. *Menangani Permasalahan Laman Web Pornografi: Antara Perisian Penapis, Penguatkuasa Undang-undang dan Amalan Spiritual*.
- Noriza binti Mohd Shaimi. 2009. yang bertajuk “*Kaedah Pencegahan Perzinaan: Satu Kajian dalam Surah al-Nur*”.
- Ole R. Holsti. 1969. *Content Analysis for the Sosial Sciences and Humanities*. California: Addison-Wesley Publishing Company,
- Paizah Hj Ismail, *Aurat Wanita: Konsep dan Hukum Mengenalinya*, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- Paizah Hj Ismail. 2013. *Anak Tak Sah Taraf Dari Perspektif Syariah Dan Perundangan Islam Di Malaysia*, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Robert Philip Weber. 1990. *Basic Content Analysis*. London : Sage Publications
- Rosdi Yusof, Hasanah Abd Khafidz. 2006. *Sumbang Mahram: Bagaimana Islam Menanganinya*.
- Rosdi Yusof. 2002. “*Kajian Perbandingan Jenayah Rogol dan Sumbang Mahram di Malaysia, Penyelesaiannya Menurut Perspektif Islam*”
- Roslee Ahmad dan rakan-rakan. 2008. “*Punca, Kesan Dan Langkah Untuk Menangani Tingkah Laku Seksual Pelajar Mengikut Pendekatan Kaunseling Islam.*”
- Sarnon, N., Mohamad, M. S, Fauziah, I, Alavi, K., Nen, S., Hoesni, S.M, Zaizul, R., Wan Sarnon, N., Mohamad, M. S, Fauziah, I, Alavi, K., Nen, S., Hoesni, S.M, Zaizul, R., Wan Azreena, J. (2013). Hamil luar nikah: Memahami remaja sebagai intervensi keluarga. *Journal of Social Science and Humanities*, 7 No. 1, pp. 121-130.
- Sayyid Qutb. 2010. *Tafsir Fi Zilalil Qur’an, Di Bawah Bayangan al-Quran*, Terj Dato’ Yusoff Zaky Haji Yacob, Pustaka Darul Iman Sdn, Bhd. Cet 1

- Siti Fairuz Binti Md Saion. 2010. *“Pengetahuan Mahasiswi Terhadap Kesalahan Zina Dalam Undang-Undang Jenayah Islam. Kajian Di Kolej Tun Fatimah*
- Syed Abdurrahman bin Syed Hussin. 2007. *Faktor Keruntuhan Masyarakat Dari Perpektif al-Quran,*
- Yusuf al-Hajj Ahmad. 2014. *Ensiklopedia Kemukjizatan Sains Dalam al-Quran & Sunnah,* Terj. Al-Hidayah Publication, Selangor.
- Zulkifli Haji Mohd Yusoff. 2007. *Gejala Sosial Dalam Komuniti: Satu Sorotan Penyelesaian Dari Perspektif Wahyu,* Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Uni. Malaya

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/06/578922/kes-pembuangan-bayi-serius-tpm>

<https://www.sinarharian.com.my/article/27518/BERITA/Nasional/100000-kes-remaja-hamil-dilaporkan-sejak-2013>